

20 MAY 2003

Mahathir-Bioteknologi/I

PERJANJIAN LARANG SYARIKAT ASING BOLOT SUMBER NEGARA

PUTRAJAYA, 20 Mei (Bernama) -- Syarikat atau saintis asing yang menjalankan penyelidikan mengenai sumber asli negara ini akan dikehendaki menandatangani perjanjian bagi memastikan mereka tidak membolot sumber-sumber berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sesiapa yang datang ke sini mestilah membuat perjanjian atau pengakuan bahawa mereka akan berkongsi sumber itu dan tidak membawa semuanya keluar dari negara ini," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata bahawa untuk mengeluarkan sumber dari sesebuah negara adalah mudah seperti yang berlaku apabila bunga-bunga dibawa keluar dari Madagascar untuk dikaji di tempat lain.

"Saintis asing datang dan membawa keluar bunga-bunga itu dan mengkajinya, dan produknya kini menjadi hak eksklusif mereka," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi Lembah Bio Malaysia di Dengkil dekat sini.

Perkara yang serupa berlaku kepada beras Basmati yang hasil tiruannya diperkenalkan di sebuah negara lain tetapi mereka (saintis asing) mahu menggunakan perkataan beras Basmati di seluruh dunia tanpa membenarkan orang dari Pakistan dan India sekalipun untuk menggunakan perkataan itu.

"Ini merupakan satu bentuk rompakan hak orang lain," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada saintis asing berminat terhadap Lembah Bio itu, beliau berkata beberapa ahli sains dari China telahpun mula bekerjasama dengan rakyat tempatan untuk menghasilkan produk dan terdapat juga minat dari pihak Jepun.

Katanya kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan RM100 juta untuk menyediakan kemudahan peringkat awal seperti makmal.

Tujuan Lembah Bio Malaysia ialah untuk memacu pertumbuhan negara dalam industri yang penting ini dengan meningkatkan integrasi antara pelbagai pihak yang terlibat selain memantapkan kemampuan Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Ia akan menjadi tumpuan dalam menyelaras semua inisiatif bioteknologi yang sedang diusahakan di seluruh negara serta membantu dan menggalakkan usaha mengkomersialkan penemuan dan produk.

Lembah Bio Malaysia terletak di kawasan seluas 200 hektar di selatan Cyberjaya, dengan 80 hektar dibangunkan dalam fasa pertama. Ia akan menempatkan pelbagai aktiviti bioteknologi seperti penyelidikan ubat-ubatan.

Mengenai penyertaan sektor swasta, Dr Mahathir berkata kerajaan sedia menawarkan sumber asli kepada mereka.

"Kita akan benarkan mereka mengkaji tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta melihat bagaimana mereka dapat memperolehi hasilnya.

"Kini sudahpun ada syarikat melibatkan orang dari China dan rakyat Malaysia menghasilkan produk dari batang pokok sawit," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin dengan penyertaan lebih banyak saintis sama ada tempatan atau luar negara, pelbagai bidang dapat diterokai.

Ketika ditanya sama ada negara mempunyai saintis yang mencukupi, beliau berkata : "Itu tak pernah cukup sekalipun dengan adanya ahli sains dari luar negara."

Ini kerana jumlah penyelidikan yang perlu dijalankan adalah tidak terhad, katanya.

Dr Mahathir juga berkata terdapat kekurangan pusat tindakan pantas di semua negara untuk menangani kemunculan penyakit-penyakit baru.

"Apabila ada tanda-tanda penyakit baru akan muncul di satu-satu tempat, penyelidikan segera akan dapat dijalankan oleh saintis berkecukupan dengan adanya kemudahan yang sesuai agar mereka dapat mengesan penyakit itu, fahaminya dan merawatnya," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata bahawa pada masa ini dunia berdepan dengan kuman yang berubah-ubah dan penyakit-penyakit baru.

Dr Mahathir berkata tindak balas dunia kepada penyakit-penyakit baru ini adalah tidak tersusun dan tidak selaras.

"Kita tidak tahu umpamanya bagaimana SARS merebak. Kita mungkin pakai penutup mulut tetapi ia mungkin menjangkiti kita menerusi cara lain. Jadi pekerja di tempat-tempat yang berkenaan mestilah berpakaian sesuai dan dilindungi," katanya.

Beliau berkata usaha peringkat dunia ini memerlukan perbelanjaan besar, dan negara-negara kaya harus menyumbang ke arah menyelamatkan nyawa.

"Kita tahu negara-negara kaya membelanjakan berbilion dolar untuk senjata bagi membunuh orang," katanya.

-- BERNAMA

SR SHI KHY MAI